

14 MAY 1996

HICOM, DRB METERAI PERJANJIAN DENGAN ISUZU BAGI TRAK KEBANGSAAN PERTAMA

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 14 Mei (Bernama) -- Projek trak kebangsaan pertama Malaysia mula bertapak apabila Hicom Holdings Bhd dan anak syarikatnya, Diversified Resources Bhd (DRB) memeterai satu memorandum persefahaman (MoU) dengan pembuat kenderaan komersil terbesar Jepun, Isuzu Motors Ltd, di sini hari ini.

Ia akan mengikut model trak ringan Isuzu dan akan dibina oleh syarikat milik DRB, iaitu Automotive Manufacturers Malaysia Sdn Bhd di bawah usaha sama yang akan dibentuk oleh tiga pihak berkenaan.

Upacara pemeteraian perjanjian itu berlangsung di kilang pembuatan trak ringan terbesar Isuzu di Fujisawa, 60 km selatan dari sini, dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir memberi jaminan kepada presiden Isuzu, Kazuhira Seki, bahawa kerajaan akan memberi sokongan padunya bagi memastikan kejayaan projek itu.

Perda kereta nasional pertama Malaysia, Proton, telah diwakili oleh presiden merangkap pengerusi eksekutifnya, Datuk Seri Yahaya Ahmad, DRB oleh pengarah urusan Datuk Saleh Sulong, manakala Seki menandatangani bagi pihak Isuzu.

Nisbah ekuiti bagi projek itu akan diselesaikan kemudiannya dan syarikat usaha sama itu akan ditubuhkan selepas satu kajian kemungkinan projek terbabit itu siap.

Seki berkata selepas majlis pemeteraian itu Isuzu mahukan nisbah ekuiti sebanyak 20 hingga 25 peratus. Mengenai perkongsian tiga pihak itu, beliau tidak melihat sebarang masalah kerana ketiga-tiga pihak sudahpun bekerjasama sejak dulu lagi.

Sebuah lagi anak syarikat DRB, ACM Sdn Bhd, memasang kenderaan Isuzu untuk pasaran Malaysia di Kuantan sejak 1984, dan telah mengeluarkan 50,000 unit setakat ini.

Sebagai memberi tindak balas terhadap cadangan ekuiti itu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memastikan kepentingan Malaysia dikekalkan manakala penyertaan Isuzu "menguntungkan."

Perdana Menteri juga meminta Isuzu agar dapat mengurangkan kos pengeluaran trak kebangsaan kepada serendah yang mungkin, bukan sahaja menjadikannya menarik untuk pasaran Malaysia dan eksport, tetapi juga membantu mengurangkan defisit akaun semasa Malaysia yang dialaminya sekarang.

"Defisit terbesar kita ialah dengan Jepun yang lebih tinggi daripada defisit negara. Saya berharap Isuzu akan membantu kita mengurangkan nilai import dan meningkatkan eksport," katanya.

Seki berkata projek trak itu sungguh bernilai bagi Isuzu yang menganggap Malaysia sebagai pasaran yang penting.

Beliau berkali-kali menyatakan bahawa Isuzu akan mencuba sedaya upaya untuk memajukan projek itu.

Dr Mahathir, yang menghabiskan masa selama satu jam melawat kilang itu dan tertarik dengan disiplin dan kecekapan kakitangan, juga mahu Isuzu menyebarkan budaya kerja dan latihannya kepada rakyat Malaysia.

Beliau juga dibawa melihat pelbagai jenis kenderaan komersil Isuzu dan menguji pandu sebuah bas koc, trak kontena dan kenderaan pelbagai guna. --

BERNAMA

TCL MA SIA